



18 Disember 2018
18 December 2018
P.U. (B) 707

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

LAPORAN HAKIM PILIHAN RAYA DI BAWAH SUBSEKSYEN 37(4)

REPORT OF AN ELECTION JUDGE UNDER SUBSECTION 37(4)

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA 1954

LAPORAN HAKIM PILIHAN RAYA DI BAWAH SUBSEKSYEN 37(4)

MENURUT subseksyen 37(4) Akta Kesalahan Pilihan Raya [*Akta 5*], Suruhanjaya Pilihan Raya menyiarkan laporan bertarikh 13 Disember 2018, yang ditunjukkan dalam Jadual, yang dibuat oleh Yang Arif Hakim Datuk Hajjah Azizah binti Haji Nawawi, Hakim Pilihan Raya, Mahkamah Tinggi di Malaya berhubung dengan perbuatan rasuah.

ELECTION OFFENCES ACT 1954

REPORT OF AN ELECTION JUDGE UNDER SUBSECTION 37(4)

PURSUANT to subsection 37(4) of the Election Offences Act 1954 [*Act 5*], the Election Commission publishes the report dated 13 December 2018, as shown in the Schedule, made by the Honourable Justice Datuk Hajjah Azizah binti Haji Nawawi, Election Judge, High Court in Malaya in relation to a corrupt practice.

JADUAL/SCHEDULE

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
DALAM NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
PETISYEN PILIHAN RAYA NO: WA-26PP-1-06/2018**

ANTARA

Manogaran Marimuthu
[No. K.P.: 590714-07-5315]

...Pempetisyen

DAN

Sivaraj A/I Chandran
[No. K.P.: 760916-08-6257]

...Responden

Kepada:
Pengerusi
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
Menara SPR
No. 2, Jalan P2T, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 PUTRAJAYA.

Laporan Hakim Pilihan Raya Menurut Seksyen 37, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954

Petisyen Pilihan Raya bertarikh 4 Jun 2018 ini telah difailkan oleh Manogaran Marimuthu (**Pempetisyen**) menurut Seksyen 32(a) dan (c) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (**Akta 5**) untuk suatu perintah bahawa Sivaraj a/I Chandran (**Responden**) tidak dipilih atau dilaporkan dipilih dengan sewajarnya dalam pilihan raya bagi kawasan Parlimen Cameron Highlands (P. 078) yang diadakan pada 9 Mei 2018 dan untuk suatu pengisytiharan bahawa pilihanraya bagi kawasan Parlimen Cameron Highlands (P.078) yang diadakan pada 9 Mei 2018 adalah terbatal atas alasan bahawa Sivaraj a/I Chandran telah dengan sendirinya atau dengan pengetahuan atau persetujuannya telah melakukan perbuatan rasuah berkaitan dengan pilihan raya tersebut secara langsung atau tidak langsung.

1

Dan setelah menjalankan perbicaraan dan mendengar keterangan saksi-saksi antara 5 September 2018 hingga 14 November 2018, saya selaku Hakim Pilihan Raya, telah pada 30 November 2018 memutuskan dakwaan-dakwaan Pempetisyen seperti berikut:

- (i) Pempetisyen mendakwa bahawa pada 28.4.2018, bertempat di pejabat UMNO di Koyan, Responden dan Dato' Wan Rosdy (**Wan Rosdy**) telah bertemu dengan Batin-batin termasuklah Batin Bah Harun bin Lingwar dan Batin Salleh a/k Kecut daripada Pos Betau dan Batin-batin tersebut telah menerima RM1,000.00 dari Responden.

Berkenaan dengan dakwaan ini, Pempetisyen tidak mengemukakan sebarang bukti di mana Batin-batin tersebut iaitu batin Bah Harun bin Lingwar dan Batin Salleh a/k Kecut dari Pos Betau tidak dipanggil untuk memberikan keterangan bagi menyokong dakwaan tersebut.

- (ii) Pempetisyen mendakwa bahawa pada 30.4.2018, Responden sampai di SK Sinderut kira-kira jam 2 petang bersama Wan Rosdy dengan menaiki helikopter dan menyatakan perkataan-perkataan yang mempunyai kesan bahawa *"...Batin mesti ingat siapakah ketua mereka dan siapa yang memberikan mereka sekolah dan hospital, dan Orang Asli berada di bawah perlindungan JAKOA dan dengan itu, mereka mesti mengundi BN"*. Responden kemudiannya memberi wangberjumlah RM200.00 kepada setiap Batin yang hadir dan wang tersebut dikatakan sebagai "duit rokok".

Berkenaan dengan dakwaan ini, berdasarkan keterangan yang dikemukakan, terdapat percanggahan sama ada wang tersebut telah diberikan oleh Responden atau Wan Rosdy. Walaubagaimanapun, setelah mempertimbangkan perbuatan rasuah di bawah Seksyen 10(a) Akta 5, saya berpendapat bahawa intipati peruntukan tersebut adalah berkenaan perbuatan memberi wang kepada pengundi atau pemilih yang merupakan satu perbuatan yang menjurus kepada rasuah. Berdasarkan kepada fakta-fakta yang dikemukakan di hadapan saya, walaupun terdapat percanggahan di dalam keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi sama ada Responden atau Wan Rosdy yang telah memberikan wang tersebut, namun tidak dipertikaikan bahawa jumlah wang sebanyak RM200.00 telah diberikan dalam kehadiran Responden. Oleh yang demikian, saya mendapati bahawa Pempetisyen telah berjaya membuktikan fakta bahawa RM200.00 telah diberikan kepada Batin-batin tersebut dalam kehadiran Responden pada 30.4.2018.

- (iii) Pempetisyen mendakwa bahawa pada 6.5.2018, Responden dan Wan Rosdy pergi ke beberapa kampung Orang Asli, bermula dengan Pos Lejang dan seterusnya Pos Titom dan kemudian ke Pos Sinderut dan mengedarkan wang kepada beberapa orang seperti berikut:

- (a) Semasa di Pos Lejang, Responden dan Wan Rosdy masing-masing memberikan wang berjumlah lebih kurang RM25,000.00 kepada Batin-batin untuk diedarkan kepada semua pemilih atau pengundi di kampung masing-masing. Selain itu, setiap Batin diberikan wang berjumlah RM200.00 di mana wang itu diserahkan dengan sendiri oleh seseorang bernama Achong

Luji, seseorang yang berkempen untuk BN, dengan kehadiran Responden dan Wan Rosdy.

Berkenaan dengan dakwaan ini, walaupun terdapat percanggahan keterangan terhadap identiti pemberi yang telah memberikan wang tersebut kepada Batin-batin, sama ada melalui Wan Rosdy, Batin Abduh atau Achom, ianya adalah fakta bahawa wang sebanyak RM25,000.00 telah diberikan kepada Batin-batin yang hadir. Oleh yang demikian, sama ada wang tersebut telah diberikan oleh Responden, Wan Rosdy atau Achom, fakta yang tidak dipertikaikan adalah kedua-dua Wan Rosdy dan Responden telah berkempen bersama-sama di kawasan tersebut. Justeru itu, tiada keraguan yang munasabah bahawa Responden terlibat dalam pengedaran wang tersebut, walaupun tidak secara langsung melalui dirinya, tetapi melalui Wan Rosdy atau Achom.

- (b) Semasa di Pos Titom, setiap Batin yang hadir diberikan wang sebanyak RM300.00 masing-masing oleh Responden dan Wan Rosdy. Selepas itu, Wan Rosdy dalam kehadiran Responden dan dengan pengetahuan dan persetujuannya, memberi lebih kurang RM12,500.00 kepada Mat, seseorang yang berkempen untuk BN, untuk diedarkan kepada setiap pengundi atau pemilih sebanyak RM50.00 dan RM40.00 seorang selepas hari mengundi.

Berkenaan dengan dakwaan ini, Pempetisyen telah gagal untuk mengemukakan sebarang bukti.

(c) (i) Semasa di Pos Sinderut, sewaktu mesyuarat pertama di rumah Batin Kampung Bukit Long, Responden dan Wan Rosdy telah bertemu dengan 6 orang Batin iaitu dari Kampung Labu, Kampung Cherong, Kampung Tidol, Kampung Saweh, Kampung Tigol dan Kampung Bukit Long dan kesemua Batin tersebut telah dijemput ke sebuah surau yang berdekatan di mana Responden dan Wan Rosdy kemudiannya telah memberikan RM300.00 kepada setiap Batin. Selepas itu, Wan Rosdy mengeluarkan lebih kurang RM17,500.00 dalam bentuk wang tunai dan memberikannya kepada Batin-batin untuk diedarkan kepada setiap pemilih atau pengundi di kampung mereka masing-masing.

Berkenaan dengan dakwaan ini, memandangkan terdapat percanggahan yang ketara di dalam keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi Pempetisyen, saya tidak dapat menerima keterangan saksi-saksi tersebut. Oleh itu, saya mendapati bahawa Pempetisyen telah gagal untuk membuktikan melampaui keraguan munasabah, bahawa wang tersebut telah diberikan di surau seperti yang didakwa.

(ii) Sewaktu mesyuarat kedua, Responden dan Wan Rosdy telah pergi ke rumah Jali a/l Gayang iaitu seorang Orang Asli yang berkempen untuk BN, dan bertemu dengan 7 orang Batin iaitu dari Kampung Tual, Kampung Janggap, Kampung Regang, Kampung Sinderut, Kampung Cempian, Kampung Kabang dan Kampung Belau di mana Responden dan Wan Rosdy telah memberikan wang sebanyak RM300.00 kepada setiap Batin.

Berkenaan dengan dakwaan ini, adalah tidak dipertikaikan bahawa terdapat percanggahan di dalam keterangan berkenaan siapakah sebenarnya yang telah memberikan wang berjumlah RM300.00 kepada Batin-batin tersebut. Walaubagaimanapun, terdapat persamaan di dalam keterangan saksi-saksi iaitu wang tersebut telah diberikan kepada mereka, yang merupakan pengundi atau pemilih berdaftar bagi kawasan pilihan raya tersebut. Dan yang lebih penting, Responden ada semasa wang tersebut diberikan. Oleh yang demikian, saya mendapati bahawa wang sebanyak RM300.00 tersebut telah diberikan di dalam pengetahuan dan kehadiran Responden.

(iii) Sewaktu mesyuarat ketiga di Kampung Keledok, Wan Rosdy telah memberikan RM200.00 kepada Singgol, iaitu seorang pengundi dari Kampung Orang Asli Labu Cherong, Sinderut dalam kehadiran Responden. Wan Rosdy kemudiannya memberikan wang sebanyak RM9,300.00 kepada Batin Yok Ek dengan arahan untuk diedarkan kepada pemilih atau pengundi di Kampung Tual A dan B dengan pemahaman bahawa mereka akan mengundi BN. Selain itu, Wan Rosdy juga telah memberikan wang sebanyak RM7,200.00 kepada Batin Norman untuk diedarkan kepada pemilih atau pengundi di Kampung Sinderut dengan pemahaman bahawa mereka akan mengundi BN.

Berkenaan dengan dakwaan ini, saya mendapati bahawa Pempetisyen telah gagal membuktikan dakwaan bahawa Singgol telah diberikan wang sebanyak RM200.00 di Kampung Keledok memandangkan ianya bercanggah dengan keterangan yang diberikan oleh Singgol semasa

pemeriksaan utama melalui penyata saksinya bahawa wang tersebut telah diberikan kepada beliau semasa beliau berada di Koyan.

Berkenaan dakwaan bahawa wang berjumlah RM9,300.00 telah diberikan kepada Batin Yok Ek, Batin Yok Ek di dalam keterangannya semasa pemeriksaan utama, menyatakan bahawa Achah yang telah memberikan wang tersebut kepada beliau dan beliau agihkan wang tersebut kepada semua pengundi di kampung beliau. Walaubagaimanapun, ianya bercanggah dengan kes yang telah dihidkan oleh Pempetisyen iaitu wang berjumlah RM9,300.00 telah diberikan oleh Wan Rosdy dan Responden dan fakta berkenaan seseorang yang bernama Achah tidak pernah dihidkan.

Berkenaan dengan dakwaan bahawa Wan Rosdy telah memberikan wang berjumlah RM7,200.00 kepada Batin Norman untuk diberikan kepada pengundi atau pemilih di Kampung Sinderut untuk mendorong mereka supaya mengundi BN, tiada bukti yang dikemukakan oleh Pempetisyen.

- (iv) Pempetisyen mendakwa bahawa pada 7.5.2018, Achah, seseorang yang berkempen untuk BN, telah memberikan wang berjumlah RM5,200.00 kepada Batin Kampung Regang dengan pengetahuan dan persetujuan Responden. Selepas itu, Batin tersebut telah menyerahkan wang tersebut kepada anaknya Yok Tam, yang telah kemudiannya mengedarkan RM50.00 kepada setiap pemilih atau pengundi dengan satu slip yang terkandung logo BN supaya mereka mengundi BN dan dihalang daripada mengundi Pempetisyen.

Berkenaan dengan dakwaan ini, tiada bukti dikemukakan oleh Pempetisyen.

(v) Pempetisyen mendakwa bahawa:

(a) Pada 8.5.2018, bertempat di Kampung Tual A dan B di Pos Sinderut, Batin-batin telah masing-masing mengedarkan RM50.00 dan satu slip terkandung nama pemilih atau pengundi kepada pemilih atau pengundi sepertimana yang terdapat di dalam Jadual 1 bagi mendorong pemilih atau pengundi tersebut supaya mengundi BN, sama ada secara terang-terangan atau melalui implikasi.

(b) Pada 8.5.2018, Ustaz dari Kampung Pantos telah pergi ke rumah Batin Norman di Kampung Sinderut bagi menolong mengedarkan RM50.00 kepada setiap pemilih atau pengundi.

(c) Pada 8.5.2018, bertempat di Pos Lejang, wang sebanyak RM25,000.00 telah diedarkan oleh Batin masing-masing kepada pemilih atau pengundi di kampung masing-masing.

Berkenaan dengan dakwaan-dakwaan ini, hujahan Pempetisyen tidak jelas memandangkan Pempetisyen tidak menyentuh setiap dakwaan yang dinyatakan. Dalam apa jua keadaan sekalipun, ia merupakan satu dakwaan umum berdasarkan apa yang telah dibangkitkan sebelum ini. Biarpun begitu, berdasarkan dapatan saya sebelum ini yang mendapati bahawa wang telah diberikan kepada pengundi-pengundi atau pemilih-pemilih, saya tidak berpendapat bahawa ianya adalah satu keperluan untuk kesemua keterangan dihimpunkan bagi membuktikan dakwaan ini, memandangkan satu perbuatan rasuah sahaja sudah cukup untuk membatalkan sesuatu pilihan raya.

8

- (vi) Pempetisyen mendakwa bahawa kesemua pembayaran di atas adalah dilakukan oleh Responden atau Wan Rosdy dengan pengetahuan atau persetujuan Responden supaya mendorong pemilih atau pengundi yang menerima wang tersebut untuk mengundi.

Berkenaan dengan dakwaan ini, saya bersetuju dengan hujahan Pempetisyen bahawa adalah mustahil bagi Pempetisyen untuk membuktikan bahawa pengundi telah menukar undi mereka disebabkan oleh perbuatan rasuah tersebut (**Mohd Nazri bin Hj Din v. Dato' Seri Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Hj Omar & Ors [2009] 3 MLJ 589**). Dalam apa jua keadaan sekalipun, Seksyen 39 Akta 5 secara jelas melarang sebarang soalan diajukan bagi mendapatkan maklumat berkenaan undi seseorang pengundi atau pemilih tersebut. Oleh yang demikian, berdasarkan prinsip undang-undang, Pempetisyen telah berjaya membuktikan bahawa wang tersebut diberikan untuk mendorong pengundi atau pemilih untuk mengundi.

Berdasarkan dapatan-dapatan di atas, adalah jelas terdapat corak pemberian wang kepada pengundi-pengundi atau pemilih-pemilih pada saat-saat genting sebelum pilihan raya yang semata-mata bertujuan untuk mendorong pengundi atau pemilih untuk mengundi. Wang tersebut telah diberikan semasa Responden dan Wan Rosdy berkempen secara aktif di kawasan-kawasan tersebut di bawah panji BN. Bagi saya, adalah jelas bahawa keadaan-keadaan ini membawa kepada satu kesimpulan yang tidak dapat dielakkan iaitu wang tersebut telah diberikan untuk mendorong pengundi atau pemilih untuk mengundi.

Berkenaan dengan isu bahawa wang tersebut adalah dari elaun Wan Rosdy selaku ahli Dewan Undangan Negeri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal Orang Asli, Wan Rosdy tidak hadir ke mahkamah untuk menjelaskan perkara yang sama.

Berkenaan dengan tuntutan Pempetisyen yang bersandarkan kepada Seksyen 32(a) Akta 5, saya berpendapat bahawa Pempetisyen telah gagal untuk membuktikan melampaui keraguan munasabah bahawa perbuatan rasuah secara umum telah mungkin memberi kesan kepada keputusan pilihan raya tersebut.

Berdasarkan sebab-sebab yang dinyatakan di atas, saya berpendapat bahawa Pempetisyen telah berjaya membuktikan melampaui keraguan munasabah bahawa perbuatan rasuah di bawah Seksyen 10(a) Akta 5 telah dibuktikan di mana wang telah diberikan kepada pengundi-pengundi atau pemilih-pemilih secara langsung oleh Responden, atau secara tidak langsung melalui Wan Rosdy atau Achom, dan wang tersebut telah diberikan kepada pengundi sebagai dorongan untuk mengundi.

Oleh yang demikian, saya mendapati bahawa terdapatnya perbuatan rasuah berkaitan dengan pilihan raya tersebut yang telah dilakukan dengan pengetahuan Responden selaras dengan Seksyen 32(c) Akta 5. Justeru itu, selaras dengan Seksyen 36(1) Akta 5, saya mengisytiharkan bahawa pilihan raya bagi kawasan Parlimen Cameron Highlands (P.078) yang diadakan pada 9 Mei 2018 adalah terbatal.

Bertarikh: 13Disember 2018


(AZIZAH BINTI NAWAWI)
Hakim Pilihan Raya

10

[SPR(S)600-4/1/46; PN(PU2)245/IX]